

# Islam Siasah dan Kebangsaan

Pandangan Syed Jamaluddin Al-Afghani dan Syeikh Muhammad Abduh Atas

## KEBANGSAAN DAN ISLAM

Dalam masa kita heboh dengan masalah kebangsaan dan sebahagian ahli-ahli kebangsaan itu mengambil setengah daripada setengahnya hukum-hukum Islam dan ada sebahagiannya dengan tidak pengetahuan telah mepersenda-sendakan segala hukum Islam dan berani pula menyalahkan hukum-hukum itu maka di sini molek benar kita memberi panduan kepada pembaca-pembaca kita yang masih beriman kepada ajaran kitab Allah dan hadith Rasul-Nya dengan kita menyajikan suatu makalah yang ditulis oleh dua johan Islam yang ternama dan terkenal iaitu Syed Jamaluddin Al-Afghani dan Syeikh Muhammad Abduh yang dipetik daripada majalah "Al-Urwat Al-Wusqa" tentang masalah kebangsaan dan Islam yang menunjukkan bagaimana dan di mana kebangsaan itu diharamkan oleh Islam. Mudah-mudahan makalah ini disambut dan diperhatikan oleh orang-orang kita terutama oleh orang-orang yang beriman-P.

Menyelidik perihal seorang daripada tiap-tiap umat dan meninjau kecenderungan fahamnya akan memberi kesimpulan yang jelas kepada orang-orang yang luas pemandangannya dan halus menyelidiknya bahawa perasaan taksuf memperagung-agungkan kebangsaan dan menyambung-nyambung dengannya adalah kedapatan kepada kebanyakan manusia.

Orang-orang yang taksuf kepada kebangsaannya kedapatan berbangga dengan kebesaran bangsanya dan akan menjadi marah keberangan apabila kaumnya tersentuh sesuatu yang tidak digemari, sehingga ia redha berkorban kerananya dengan sebab tidak disadari olehnya akan sebab-sebab yang mendorongnya dan tidak pula ia menyelidik akan sebab-sebab adanya perasaan yang sedemikian ini hingga kebanyakan pencari-pencari kebenaran menyangka bahawa taksuf kepada kebangsaan adalah ia daripada perasaan hati kecil yang semula jadi.

Sangka yang demikian menurut pendapat kita adalah jauh daripada yang besarnya apakala difikirkan hal seorang kanak-kanak yang telah dilahirkan di dalam masyarakat sesuatu bangsa, yang demikiannya

telah dipindahkan ke negeri lain dalam umurnya yang masih kecil lalu terdidik di dalamnya sehingga ia besar panjang dan berakal, dengan tidak diberitahu kepadanya akan negeri tempat lahirnya. Maka sudah tentu tidak akan didapati di dalam tabiatnya kecenderungan kepada negeri tempat tumpah darahnya itu bahkan ia tidak akan teringat kepadanya sama sekali kedudukan negeri itu kepadanya sama sahaja sebagaimana negeri-negeri yang lain, malah ia akan cenderung kepada negeri yang ia terdidik di dalamnya itu pada hal biasanya perasaan yang semula jadi itu tidak akan berubah.

Dengan ini nyatalah bahawa perasaan kebangsaan itu bukanlah tabii hanyasanya adalah ia daripada perasaan yang mendatang kepada diri seorang dengan desakan sesuatu darurat, kerana manusia di dalam sebarang negeri adalah mempunyai hajat kehendak dan tuntutan yang banyak, dan tiap-tiap seorang berkecenderungan gemar membulat dan mementingkan maslahat diri sendiri jika tidak ia dididik dengan dididikkan yang baik. Lazimnya cita-cita yang besar

itu apabila timbul dengan kesanggupan (kekuasaan bagi menunaikannya) akan menimbulkan perseteruan. Dengan yang demikian menjadilah setengah daripada manusia itu landasan bagi serangan setengahnya yang lain dan inilah yang telah memaksa mereka setelah puas berjuang dan bertempur zaman berzaman—berpegang kukuh (bertaksub) kepada nasib kedudukan menurut peringkat-peringkat yang berlainan-lainan hinggalah mereka tiada kepada peringkat berbangsa lalu mereka berpecah kepada beberapa pecahan seperti orang-orang India, Inggeris, Russian dan lain-lainnya supaya tiap-tiap bangsa dengan kekuatan orang-orangnya yang bersatu padu sanggup memelihara maslahatnya dan mengawal hak-haknya daripada kecerobohan puak yang satu lagi. Lama kelamaan mereka telah melampaui perenggan yang mendesak mereka berbuat demikian sebagaimana adat kelaziman manusia dalam peringkat-peringkat hidupnya, lalu mereka melangkah lebih jauh iaitu tiap-tiap suatu puak mulai menolak kekuasaan puak yang lain di atasnya, kerana diketahuinya puak itu akan bersikap zalim tatkala menjalankan pemerintahan, dan kalau pun berlaku adil maka tunduk di bawah kekuasannya adalah suatu kehinaan yang sedia dirasa oleh jiwa dan juga menimbulkan keberangan hati.

Kalau sebab-sebab yang telah menimbulkan perasaan kebangsaan yang sedemikian ini telah terhapus nescaya puak atau bangsa itu akan mengikut terhapus bersama dengan tidak suka lagi. Sebab-sebab yang tersebut akan terbatil apabila manusia berserah tanggung kepada Pemerintah yang Tunggal (Tuhan yang Maha Kuasa-p) yang dihadapannya segala kekuatan akan menjadi kecil (lemah) dan segala kekuasaan akan hilang lenyap apabila bertentang dengan kebesarannya, serta sekalian makhluk akan tunduk kepadanya menurut tabiatnya yang semula jadi. Kesemuanya apakala dinisbahkan kepadanya akan menjadi sama rata. Ialah juga yang menjadi punca segala-galanya dan yang menguasai langit dan bumi. Dengan ini menjadilah Raja-raja dan ketua-ketua pertahanan berkewajipan menjalankan perintah-perintah Tuhan menurut yang semestinya, dan bersikap sebagaimana rakyat ramai dengan tenang dan tunduk kepada hukum-hukum Tuhan yang menjadi hukum agung yang hakiki.

Apakala manusia telah tunduk kepada wujudnya hukum yang tertinggi (Tuhan Yang Maha Kuasa) dan telah yakin serta menumpahkan kepercayaan kepada ketua pertahanan (khalifah atau Raja atau Ketua Negeri-p) yang akan menjalankan pertahanan (syariatnya) supaya orang ramai bekerjasama dalam segala yang diperintahkan itu maka tak dapat tiada mereka akan berpuas hati kepada pemegang teraju pertahanan yang mempunyai kekuasaan suci itu bagi memelihara yang hak dan menolak yang salah dengan adanya yang demikian maka manusia sudah tentu tidak akan berkehendak kepada semangat kebangsaan kerana tidak ada sebab yang menghendaknya dan akan terhapuslah kesan-kesannya di dalam diri manusia, serta akan menjadilah pertahanan yang mutlak itu hanya tertentu bagi Allah yang Maha Tinggi dan Maha Besar.

Inilah rahsianya yang menjadikan orang-orang Islam yang berbagai negerinya berpaling daripada mementingkan soal berbangsa serta menolak akan sebarang jenis daripada jenis kebangsaan itu selain daripada kebangsaan mereka yang hakiki iaitu “kebangsaan Islam” kerana orang-orang yang beragamakan Islam apabila iktikadnya telah berakar berumbi di dalam hatinya akan terhiburlah ia daripada mementingkan soal bangsa dan puak, malah akan berpaling daripada perikatan yang khas kepada perhubungan yang am iaitulah perhubungan iktikad!

Dasar-dasar agama Islam bukan sahaja tertentu untuk menyeru manusia kepada kebenaran dan untuk mengawas perihail diri manusia dari segi keadaannya bersifat rohani yang tertuntut supaya meningkat dari alam bawah ke alam yang tinggi, bahkan adalah ia (Islam) sebagaimana keadaannya meliputi segala yang disebutkan itu, adalah ia juga datang dengan lapangkan melunaskan dasar-dasar perhubungan di antara manusia, menjelaskan hak-hak yang lengkap kesemuanya atau yang sebahagiannya, menetapkan kekuasaan pertahanan yang berdasarkan syarak, dan menentukan syarat-syaratnya sehingga mnenjadilah pemegang teraju pertahanan itu seorang yang sangat-sangat menghormati undang-undang dan supaya ia tidak akan mencapai jawatan itu dengan jalan diwarisi atau disebabkan kelebihan bangsanya atau gagahnya ataupun kekayaannya.

tetapi ia akan mencapai ialah disebabkan luas pengetahuannya dalam hukum syarak dan sanggup menjalankannya serta lantikannya itu dengan pilihan ramai. Yang demikian menjadilah pemerintah umat Islam yang sebenarnya ialah hukum syariah yang suci yang diturunkan oleh Allah Azza wa Jalla, yang tidak membezakan di antara suatu bangsa dengan suatu bangsa yang lain dan pula dengan ijmak orang ramai. Orang yang telah dilantik menjadi ketua pemerintahan Islam itu tidak ditentukan mendapat sebarang keistimewaan daripada rakyat ramai hanya ia dikehendaki bersungguh-sungguh memelihara hukum syariah dan membela kehormatannya.

Tiap-tiap kemegahan dan kisanan yang didapati disebabkan nasib dan susur galur; dan tiap-tiap keistimewaan yang Diperolehi disebabkan kemuliaan bak keturunan, tidaklah kesemuanya itu dijadikan Tuhan mempengaruhi dan berkesan bagi menjaga hak-hak dan memelihara nyawa, harta benda dan kehormatan diri, bahkan tiap-tiap ikatan – dikecualikan ikatan syariah yang sebenar – adalah ia terkeji atas lidah pembawa syarak (Junjungan SAW) dan orang-orang yang berpegang dan taksub kepadanya adalah terkeji dan tercela sebagaimana sabdanya salallah alaihi wa salam:

*“Laisa mimma man da’a ila ‘asobiyah, wa laisa mimma man qatala ‘ala asobiyah, wa laisa mimma man mata ‘ala asobiyah”*. (Bukanlah daripada golongan kami barang siapa yang menyeru kepada kebangsaan, dan bukan daripada golongan kami barangsiapa yang berperang kerana kebangsaan, dan bukan daripada golongan kami barangsiapa yang mati kerana kebangsaan).

Hadith-hadith Nabi dan ayat-ayat Quran yang telah diturunkan adalah bersatu tujuan mengucikan akan kebangsaan yang demikian ini, adapun yang akan beroleh kemuliaan dan kehormatan ialah orang yang dapat mengatasi orang ramai dengan taqwa – menjunjung perintah syarak – *“Inna akramakum ‘inda Allah atqakum* (Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah Taala ialah kamu yang bertaqwa). Oleh itu kedatangan di dalam kebanyakan masa yang berasing-asing peringkatnya beberapa khalifah-khalifah Islam yang tidak berkemuliaan di sebabkan bangsanya, dan tidak berkelebihan

disebabkan puaknya, tidak pula mewarisi kerajaan daripada nenek moyang dan tidak menuntutnya dengan suatu yang mengenai kemuliaan saka baka dan susur galur. Hanyasanya yang menggugat mereka menduduki takhta kerajaan ialah taat mereka kepada hukum syarak dan usaha mereka mengawalinya dengan bersungguh-sungguh.

Bertambahnya kekuasaan ketua-ketua pertahanan Islam yang dahulu ialah kerana mereka telah tunduk kepada hukum-hukum Tuhan dan tidak pula mereka sombong dan mengangkat diri. Makin seseorang ketua pertahanan cuba menentukan dirinya dengan kelebihan-kelebihan yang mengatasi orang lain-baik tentang kebesaran dan taraf kedudukannya atau tentang hendak melebihi rakyat ramai dengan perolehan-perolehan yang istimewa maka semakin menjadikan manusia berbalik semula berbangga dengan kebangsaan, dan timbullah perpecahan dan dengan itu akan meneruslah (bertambah kecil) kekuasaan dan pengaruh Raja atau ketua pemerintahan yang tersebut.

Inilah perjalanan orang-orang Islam semenjak terbit agama yang mereka peluk itu hingga hari ini, iaitu telah menggambarkan kepada kita dengan jelasnya bahawa mereka tidak mementingkan ikatan negeri dan kebangsaan, hanyasanya yang mereka utamakan ialah perpaduan yang dianjurkan oleh Islam. Dengan yang sedemikian kedatangan orang Arab tidak menolak kekuasaan orang Turki, orang Parsi menerima pertahanan Arab, dan orang hendak tunduk berketuakan orang Afghani, mereka menerimanya dengan bersih hati.


Orang-orang Islam juga dalam soal bertukar kerajaan (yang sesama Islam) tidaklah menolak atau membantah tentang corak perubahannya dan perpindahannya dari suatu ke suatu puak, selama orang yang memegang teraju pemerintahan itu berpegang teguh kepada syariat Islam. Kecualikan kalau pemerintah itu telah menyalahi perintah-perintah agama dan menjalankan hukum-hukum yang bukan haknya. Maka pada ketika itu sudah barang tentu ia akan menerima pertentangan rakyat ramai dan menjadilah ia sebagai seorang asing kepada mereka walaupun ia seorang anak kebangsaan dan

pencinta tanah air yang terkemuka!

Orang-orang Islam ialah suatu umat di antara lain-lain umat—mempunyai sikap yang bersendiri iaitu merasa sedih dan kesal tatkala mereka mendengar akan kejatuhan sebuah negara Islam ke tangan kerajaan yang bukan Islam. Kesedihan dan kesesalan mereka yang demikian tidaklah terbitnya kerana memandang kepada bangsa dan puak bahkan kerana didorong oleh perasaan keislaman—perasaan persaudaraan yang hakiki!

Sekecil-kecil ketua pemerintahan Islam yang apa jua bangsanya apabila ia mengikut akan perintah-perintah agama bersungguh mengawalinya, sanggup menghukum akan orang-orang yang bersalah masing-masing menurut berat kesalahannya, sanggup mengambil bahagian bersama-sama rakyat ramai menunaikan suruhan agama, dan dapat pula menjauhkan diri daripada memborong kelebihan-kelebihan dan kebesaran yang palsu, nescaya akan bertambah besarlah kerajaannya dan bertambah besar kekuasaannya, serta akan mencapai kedudukan yang tinggi di seluruh dunia Islam yang tidaklah ia bertemu sebarang kesukaran dan tidaklah dikehendaki kepada bantuan kerajaan-kerajaan besar atau kepada memasuki pembantu-pembantu kemajuan dan penolong kemerdekaan. Tidaklah ia berkehendak kepada segala yang tersebut hanyasanya cukuplah ia dengan mengikut perjalanan khalifah-khalifah Rasulullah yang terdahulu dan berbalik kepada usul-usul agama yang ulung. Daripada perjalanan inilah akan timbul kekuatan, dan akan timbul alat-alat yang menjadi bintang-bintang pertahanan!

Kurun berganti kurun hinggalah tiada ke peringkat setengah daripada orang-orang Islam yang tidak dapat menahan sabar akan kezaliman raja-raja mereka yang telah melanggar usul-usul yang dilunaskan oleh syarak, mereka telah tergamak meletakkan diri dibawah naungan kerajaan asing (bukan Islam), tetapi sebaik-baik sahaja mereka melangkah ke arah itu maka baharulah



*Masjid baharu yang dibina di New York (di Pusat kerajaan Amerika)*

*yang sedang dibina itu dipandang dari udara.*

mereka menyedari padahnya dan mulailah mereka menyesal dan meratap di dalam hati!

Dengan ini jelaslah bahawa sebab perpecahan yang berlaku di negara-negara Islam adalah puncanya disebabkan taksir Raja-raja Islam dan pegawai-pegawainya yang telah tergelincir daripada dasar yang di atasnya terbina hukum-hukum Islam dan disebabkan mereka tidak mengikut jejak pemerintah-pemerintah Islam dalam zamannya yang cemerlang dahulu.

Membuang dan mencabuli dasar-dasar Islam yang tegap kukuh dan menyalahi perjalanan yang telah digaris olehnya sesungguhnya sangatlah besar bahayanya kepada kuasa tinggi yang dipegang oleh mereka dan apabila mereka berbalik kepada undang-undang syarak serta menurut jejak khalifah-khalifah Islam yang terdahulu, sudah barang tentu mereka dalam sedikit masa sahaja akan beroleh limpah kurnia Tuhan dengan bertambah-tambah besar kekuasaan dan pengaruh di dalam kerajaan, dan akan beroleh kemuliaan sebagaimana yang telah didapati oleh khalifah-khalifah Islam yang terkemuka dahulu – Al Khulafa Al-Rasyidin. Mudah mudahan Tuhan memberi taufik dan menunjukkan kami sekalian jalan yang lurus!